

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN HAJAH NATRAH BINTI ISMAIL  
[ SEKIJANG ]**

**TARIKH : 10 NOVEMBER 2021 (RABU)**

**SOALAN**

**PUAN HAJAH NATRAH BINTI ISMAIL [ SEKIJANG ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan akan meminda atau menguatkuasakan sepenuhnya Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 (Akta 711) kepada penjawat awam yang melapor kes berkaitan salah laku penjawat awam di sekolah dan apakah jaminan Kerajaan dalam memastikan pemberi maklumat ini dilindungi dan tidak dikenakan tindakan terhadap mereka.

**JAWAPAN**

**YB DATO SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 [Akta 711] telah digubal bagi memperuntukkan perlindungan terhadap pemberi maklumat yang mendedahkan sesuatu kelakuan tidak wajar di mana Akta ini telah berkuat kuasa pada 15 Disember 2010. Pendedahan kelakuan tidak wajar adalah merujuk kepada apa-apa kelakuan yang jika terbukti, menjadi suatu kesalahan tatatertib atau kesalahan jenayah. Perlindungan yang diberikan di bawah Akta 711 adalah merangkumi tiga perkara iaitu:

- i. perlindungan maklumat sulit. Sebagai contoh, maklumat mengenai identiti, pekerjaan, alamat kediaman, tempat pekerjaan dan lain-lain;
- ii. kekebalan daripada tindakan sivil atau jenayah yang cuba dikenakan terhadap pemberi maklumat. Sebagai contoh, seseorang pemberi maklumat, tidak boleh disaman atau didakwa oleh pihak yang telah didedahkan kelakuan tidak wajarnya; dan
- iii. perlindungan terhadap tindakan yang memudaratkan. Sebagai contoh, seorang pemberi maklumat telah memberi maklumat mengenai perbuatan rasuah majikannya. Jika majikannya ingin mengambil tindakan balas seperti membuang kerja si pemberi maklumat itu, maka pemberi maklumat itu adalah dilindungi di bawah akta ini.

Untuk mendapatkan perlindungan di bawah Akta 711, pemberi maklumat hendaklah menyalurkan maklumat hanya kepada agensi penguat kuasa sahaja. Berdasarkan Akta 711, “agensi penguat kuasa” adalah merujuk kepada agensi yang ditubuhkan oleh Kerajaan Persekutuan atau Negeri yang diberi kuasa penyiasatan dan

## NO. SOALAN : 31

penguatkuasaan di bawah undang-undang bertulis. Pendedahan kelakuan tidak wajar tersebut boleh dibuat dengan syarat pendedahan itu tidak dilarang secara khusus oleh mana-mana undang-undang bertulis (iaitu sebagai contoh Akta Rahsia rasmi 1972). Namun, perlindungan boleh dibatalkan sekiranya:

- i. pemberi maklumat turut terlibat dalam kelakuan tidak wajar itu;
- ii. membuat kenyataan palsu;
- iii. pendedahan tersebut merupakan perkara remeh temeh;
- iv. perkara didedahkan mempersoalkan merit dasar kerajaan;
- v. pendedahan dibuat bagi mengelak daripada dibuang kerja atau tindakan tatatertib; dan
- vi. pemberi maklumat melakukan apa-apa kesalahan di bawah Akta 711 (seperti mendedahkan maklumat sulit).

Oleh itu, sekiranya pendedahan penjawat awam yang melapor kes berkaitan salah laku penjawat awam di sekolah adalah mengikut tatacara yang diperuntukkan di bawah Akta 711 seperti yang dimaklumkan tadi, maka penjawat awam tersebut boleh dilindungi di bawah Akta 711.

Kerajaan melalui agensi penguat kuasa akan melindungi pemberi maklumat tersebut sekiranya pemberi maklumat tersebut membuat pendedahan berdasarkan tatacara yang telah ditetapkan di bawah Akta 711 ini.

Sekian, terima kasih.